

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah proaktif yang diambil bagi memastikan pembangunan Indeks Syariah Malaysia mampu menjadikan negara lebih maju dan progresif berlandaskan syariat Islam.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Indeks Syariah Malaysia (ISM) dibangunkan sebagai satu dimensi baru tadbir urus negara berpaksikan lima prinsip Maqasid Syariah iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ia berfungsi sebagai satu alat atau kaedah untuk mengukur secara saintifik sejauhmana usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan dasar, polisi dan program pentadbiran negara selaras dengan prinsip Maqasid Syariah tersebut.

Bagi memastikan ISM yang dibangunkan tersebut memberi impak dalam memajukan negara, Kerajaan akan terus komited mengaplikasikan lima prinsip universal Maqasid Syariah ini dalam semua dasar dan polisi pentadbiran negara. Penterjemahan secara terfokus prinsip-prinsip utama ini dalam tadbir urus negara mampu memberi impak positif terhadap kesejahteraan rakyat, kemajuan dan kestabilan sosio ekonomi negara. Ini kerana lima prinsip utama yang menjadi asas pengukuran ISM adalah bermatlamat menjaga *masalahah* (kebaikan) agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dan kesan daripadanya akan membantu membina sebuah negara yang berpegang teguh pada agama, aman dan selamat, pembangunan insan yang konsisten serta kemajuan dan keadilan ekonomi terjamin. Hasilnya, Malaysia mampu menjadi sebuah negara yang maju dan progresif berlandaskan parameter indeks Maqasid Syariah yang kita bina ini.

Antara langkah proaktif yang dilakukan Kerajaan selepas pengumuman skor ISM baru-baru ini ialah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet ISM bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lebih efektif dan berimpak tinggi serta semua cadangan penambahbaikan diambil tindakan sewajarnya. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.

Selain itu, dapatan kajian yang telah diperolehi daripada lapan (8) bidang penyelidikan ISM yang telah diumumkan baru-baru ini, akan diteliti secara lebih fokus bagi melihat kekurangan dan ruang-ruang penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan.

Sekian, terima kasih.